


BAHAGIAN PELESENAN	SYARAT-SYARAT PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA KHAS DI BAWAH UUK PELESENAN, TRED PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MDTM 1989 DI BANGUNAN KEDIAMAN DAN DI ATAS TANAH SYARAT PERTANIAN / KEDIAMAN	SL 17	
--------------------	---	-------	---

## 1.0. PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA KHAS

- 1.1. Dalam konteks **kebenaran yang diberikan** adalah tertakluk kepada aktiviti-aktiviti perniagaan yang **tidak berisiko tinggi** dan **tidak mendatangkan ancaman keselamatan** kepada **persekitaran**. Bagi aktiviti-aktiviti yang seperti ini, permit hanya **dipertimbangkan** setelah **semua keperluan** seperti tukar syarat tanah, kebenaran merancang dan pelan bangunan **diluluskan**.
- 1.2. Sekiranya diberi Permit Perniagaan Sementara Khas, tempohnya ialah **36 bulan atau lebih awal** bergantung kepada **pewartaan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Batang Padang**.
- 1.3. Permit Perniagaan Sementara Khas yang diberi ini perlu **diperbaharui setiap 6 bulan** sebagai **peringatan** kepada pengusaha untuk memastikan **permohonan tukar syarat tanah** dibuat disamping memantau aktiviti yang dijalankan mematuhi syarat-syarat seperti mana yang ditetapkan di dalam pemberian Permit Sementara Khas sehingga kepada **kelulusan pewartaan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) oleh Pihak Berkuasa Negeri**.
- 1.4. Bermula dari tarikh kelulusan yang diberikan, tempoh selama setiap **6 bulan** diberi kepada semua pemilik tanah untuk **membuat permohonan tukar syarat tanah** di Pejabat Daerah dan Tanah Slim River dan memohon Kebenaran Merancang di MDTM.
- 1.5. Bagi pemohon yang **gagal** mengemukakan permohonan tukar syarat tanah dan permohonan Kebenaran Merancang selepas daripada tempoh yang diberikan, Permit Perniagaan Sementara Khas **tidak akan diperbaharui** dan **kompaun harian** akan **dikenakan** sehingga pemohon mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 1.6. Pengusaha adalah **dipertanggungjawabkan** untuk memastikan tiada sebarang aduan, permasalahan dan pertikaian dengan masyarakat sekitar terhadap aktiviti yang dilakukan.

- 1.7. Sekiranya dalam tempoh pemberian Permit Perniagaan Sementara Khas ini terdapat **aduan atau apa-apa kacauganggu** kepada penduduk berhampiran, mana-mana orang awam atau persekitaran, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan mengikut peruntukan yang ada dan **Permit Perniagaan Sementara Khas yang diberi akan dibatalkan.**
- 1.8. **Pemilik tanah, wakil, waris atau pengusaha** adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan perakuan bertandatangan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah, jika tanah yang dijalankan aktiviti perniagaan tersebut lebih daripada satu penama. **Sebarang aduan daripada penama lain yang tidak bersetuju, Permit Perniagaan Sementara Khas yang diberi akan dibatalkan.**
- 1.9. Pengusaha dan pemilik tanah adalah bertanggungjawab dan diwajibkan untuk **menyediakan tong sampah** yang bersesuaian dan mencukupi di dalam premis masing-masing. Kegagalan menyediakan tong sampah tersebut, tindakan kompaun akan dikenakan sehingga tong sampah disediakan.
- 1.10. **Pihak MDTM** juga **tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang kos kerosakan, perpindahan atau kemalangan kepada peniaga, pelanggan atau mana-mana orang awam sekiranya berlaku sepanjang tempoh pemberian permit perniagaan sementara ini.
- 1.11. **Pihak pengusaha** adalah **dipertanggungjawabkan** untuk menanggung segala kerugian, kos kemalangan, sebarang permasalahan berbangkit dan lain-lain apabila bersetuju untuk menerima Permit Perniagaan Sementara Khas ini. **Pihak pengusaha juga tidak boleh mengemukakan sebarang tuntutan, bayaran atau yang berkaitan kepada pihak MDTM terhadap apa-apa permasalahan yang berlaku sepanjang tempoh pemberian permit ini.**
- 1.12. Bekerjasama dengan agensi-agensinya teknikal berkaitan untuk memenuhi dan mematuhi segala syarat-syarat yang diperlukan oleh agensi tersebut apabila mengemukakan permohonan Tukar Syarat Tanah, Kebenaran Merancang dan Kelulusan Pelan Bangunan pada masa akan datang.

- 1.13 Mengemukakan **status terkini** bagi kemajuan proses dari Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian yang berkaitan **setiap kali pembaharuan** permit perniagaan sementara khas di buat **sebelum permit yang diberi tamat tempoh**.
- 1.14 Kelulusan yang diberi berkuatkuasa mulai **1hb mei 2010 hingga 31 Oktober 2010 (6 bulan)**.
- 1.15 Mematuhi undang-undang dan arahan pihak MDTM daripada masa kesemasa.

**PENGAKUAN**

Bahawa saya .....  
No. Kad Pengenalan ..... mengaku telah menerima dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas.

Tarikh : .....

Tandatangan : .....